

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan Status kerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk menangani gejala asap rokok sekunder atau "*Secondhand Smoke*" oleh ibu bapa yang merokok yang kini berleluasa dan menjejaskan kesihatan ahli keluarga yang lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terlibat sebagai Ahli tetap dalam Jawatankuasa Pemandu *World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control* (WHO FCTC) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan Malaysia bagi membincangkan strategi, polisi dan dasar di bawah Pelan Strategik Kebangsaan bagi Kawalan Tembakau yang pertama daripada tahun 2015-2020. Jawatankuasa ini memantau dan menambahbaik implementasi kawalan tembakau yang telah digariskan di bawah WHO FCTC dan pelaksanaan program kawalan tembakau yang telah digariskan di bawah Pelan Strategik Kebangsaan Kawalan Tembakau.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Khusus bagi menangani gejala asap rokok sekunder atau “*Secondhand Smoke*” oleh ibu bapa yang merokok, perancangan yang dilaksanakan di bawah pelan strategik ini adalah termasuk Rumah Bebas Tanpa Amalan Merokok iaitu ke arah pembudayaan amalan tidak merokok bermula dari rumah. Program ini akan diperluaskan dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan. Rekod Kementerian Kesihatan Malaysia sehingga kini terdapat sebanyak 24,290 buah rumah telah didaftarkan sebagai Rumah Bebas Tanpa Amalan Merokok.
2. Pihak KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bekerjasama dengan pihak KKM dalam pembangunan Garis Panduan Kaunseling Sosial Masalah Merokok Dalam Kalangan Remaja yang diguna pakai di fasiliti Kafe@TEEN LPPKN. Matlamat garis panduan ini adalah untuk menjadikan remaja sihat tanpa amalan merokok dan seterusnya menjadi agen perubahan tingkah laku kepada ibu bapa yang merokok.

LPPKN mempunyai 18 buah pusat remaja KafeTEEN untuk remaja 13 – 24 tahun yang menyediakan program dan perkhidmatan yang mempromosi dan memberikan latihan kemahiran hidup bagi tujuan gaya

## **SOALAN NO. : 6**

hidup sehat, termasuk program anti merokok dan Klinik Kaunseling Berhenti Merokok. Promosi anti merokok dilaksanakan dalam bentuk ceramah dan perbincangan kecil (TEEN Chat) serta topik ini dimasukkan sebagai aktiviti di dalam Modul Kesehatan Reproduksi LPPKN Untuk Remaja. Klinik Berhenti merokok dikendalikan oleh Pegawai Perubatan yang Garis Panduan Kaunseling Sosial Masalah Merokok Dalam Kalangan Remaja Klinik KafeTEEN.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini laporan CRC memandangkan Kerajaan masih belum menyerahkan laporan CRC semenjak 2007.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penyediaan Laporan Negara Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak atau *Convention on the Rights of the Child* (CRC) melibatkan hak kanak-kanak secara menyeluruh, dan merangkumi pelbagai perkara yang perlu diambil kira seperti:

- (i) Garis Panduan Khusus Konvensyen (*Treaty-specific guidelines*) berhubung format dan kandungan laporan;
- (ii) *Concluding Observations* yang diterima Malaysia pada tahun 2007; dan
- (iii) *General Comments* berhubung hak kanak-kanak yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa CRC.

Dalam penyediaan draf laporan ini, libat urus dan ulasan bukan hanya daripada KPWKM tetapi juga daripada pelbagai Kementerian dan Agensi lain, dan ini melibatkan masa untuk mendapatkan maklum balas.

Draf Laporan Negara Kedua hingga Kelima CRC telah pun dimuktamadkan pada bulan Mei 2020 dan kini telah selesai disemak oleh Penasihat Undang-Undang Kementerian.

Selanjutnya draf laporan ini telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk semakan sebelum ia dibentangkan untuk persetujuan Jemaah Menteri. Laporan yang diluluskan Kerajaan ini akan dikemukakan kepada Jawatankuasa CRC, yang dijangka pada awal tahun 2021.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha Kementerian mengkaji semula Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 untuk menangani kelompongan dari segi peruntukan melarang diskriminasi terhadap OKU dan peruntukan remedi kehakiman dan hukuman bagi pihak yang tidak mematuhi akta ini, seperti yang disarankan Majlis Peguam Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Orang Kurang Upaya 2008 merupakan satu Akta yang bersifat *rights-based* (dengan izin) dan bukan berbentuk punitif sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 41 perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang dan Seksyen 42 Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.

Peruntukan yang disediakan turut bertujuan melindungi ahli Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bersama Orang Kurang Upaya yang turut terdiri daripada 10 individu yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam permasalahan mengenai Orang Kurang Upaya (OKU) dan boleh terdiri daripada OKU sendiri atau bukan OKU. Penglibatan wakil OKU sebagai ahli Majlis juga turut bertujuan memastikan wujudnya persefahaman dalam memahami dan memenuhi hak OKU sebagai anggota masyarakat.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedar terdapat tuntutan daripada pelbagai pihak termasuk NGO OKU untuk mengkaji semula Akta OKU 2008 dan memasukkan peruntukan remedi kehakiman dan hukuman ke dalam Akta. Oleh itu, KPWKM telah mengambil tindakan dengan melaksanakan beberapa siri bengkel bersama-sama dengan NGO OKU untuk mendapatkan pandangan dan cadangan mereka. Input daripada bengkel tersebut akan dijadikan sebagai asas untuk melaksanakan satu kajian menyeluruh semakan semula Akta OKU 2008 yang akan dilaksanakan pada tahun 2021. Kajian ini juga akan meneliti amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan oleh negara luar.